

30<sup>th</sup> April 2013

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian Persijilan RSPO Bagi Wild Asia Group Scheme (WAGS) – MPOB SPOC Telupid.**

WAGS - MPOB SPOC Telupid, kumpulan Pekebun Kecil Kelapa Sawit Persendirian telah memohon kepada BSI Group untuk melaksanakan penilaian persijilan RSPO bagi pengeluaran minyak kelapa sawit dari kumpulan Pekebun Kelapa Sawit Persendirian tersebut. WAGS - MPOB SPOC Telupid terletak di Telupid, Beluran, Sabah, Malaysia. WAGS - MPOB SPOC Telupid sedang melaksanakan program untuk mencapai persijilan RSPO bagi pengeluaran minyak sawit dari tandan buah segar yang di dihasilkan oleh anggota kumpulan WAGS - MPOB SPOC Telupid.

Project persijilan WAGS - MPOB SPOC Telupid telah dihasilkan oleh usahasama antara Wild Asia Sdn. Bhd. dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia. Terdapat sebanyak empat kumpulan petani persendirian yang sedang diusahakan oleh WAGS dan terletak di Sabah, Sarawak dan Perak, Malaysia. Kesemua empat kumpulan pekebun kecil persendirian ini diuruskan melalui pengurusan pusat WAGS. Untuk penilaian kali ini, WAGS - MPOB SPOC Telupid akan dinilai sebagai salah satu projek pilot. Penilaian pensijilan akan diadakan menurut Interpretasi Nasional Malaysia (MYNI 2010) RSPO Prinsip dan Kriteria yang mengandungi NI pekebun kecil yang telah diluluskan oleh Lembaga Eksekutif RSPO pada November 2010 dan Standard RSPO untuk Persijilan Berkumpulan, July 2010.

BSI merancang untuk melakukan penilaian persijilan ke atas WAGS – MPOB SPOC Telupid bermula dari 3hb – 5hb June 2013. WAGS – MPOB SPOC Telupid dianggotai oleh 43 pekebun kecil persendirian dan sebanyak 255 ha telah ditanam dengan kelapa sawit. WAGS – MPOB SPOC Telupid diuruskan dengan konsep skim kumpulan melalui WAGS yang berperanan sebagai pengurus kumpulan. WAGS menguruskan “Internal Control System (ICS)” yang diperlukan bagi persijilan berkumpulan untuk menyokong kumpulan pekebun kecil ini. Proses penilaian akan merangkumi penilaian ke atas anggota pekebun kecil yang dipilih dari 43 pekebun kecil, pengurus kumpulan dan ICS oleh anggota audit alam sekitar, undang-undang, pengurusan terbaik dan sosial dari BSI. Keterangan dan butiran tentang WAGS – MPOB SPOC Telupid adalah seperti di bawah:

Details of the WAGS - MPOB SPOC Telupid	
Location Address	Toniting Village, Telupid, Beluran, Sabah.
GPS Location	E 117.362 N 5.746
Projected FFB Tonnage for the year 2013*	3,028
Total Planted Area (ha)	255
Total Number of Members	43
Total Number of Plots	55

\*Butiran di atas berdasarkan anggaran terkini

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSi adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom. BSi Group adalah pembekal pensijilan pihak ketiga yang bebas yang mempunyai pejabat regional ASEAN di Singapura dan cawangan di Kuala Lumpur, Jakarta dan Bangkok.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit ke atas WAGS – MPOB SPOC Telupid terdiri daripada **Senniah Appalamy** sebagai Ketua Juruaudit (Pengurusan terbaik, undang-undang, HCV, kebajikan Pekerja, Struktur kumpulan, ICS dan Supply Chain), **Muhammad Haris** sebagai Juruaudit (undang-undang, temuduga dengan Pihak Berkepentingan Eksternal and internal, sosial, temuduga keluarga), **Tuan Haji Isman Yusoff** sebagai Juruaudit (undang-undang, keselamatan dan kesihatan Pekerja, Alam Sekitar).

Sebagai persediaan untuk proses ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai prestasi WAGS – MPOB SPOC Telupid yang berkaitan dengan penilaian ini.

Tajuk - tajuk yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima pada atau sebelum 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama: .....

Alamat: .....

.....

Email: .....

Nombor Telefon:.....

Nombor Faks: .....

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:



...making excellence a habit.™

Mr. Aryo Gustomo  
BSi Group Singapore Pte Ltd  
3 Lim Teck Kim Road  
#10-02 Genting Centre  
SINGAPORE 088934  
EMAIL: [aryo.gustomo@bsigroup.com](mailto:aryo.gustomo@bsigroup.com)  
Or email: [Senniah.appalamy@bsigroup.com](mailto:Senniah.appalamy@bsigroup.com)  
FAX: +65 62702777

AND/OR

Ms. Sheila Senathirajah  
Wild Asia Group Scheme  
Upper Penthouse, Wisma RKT,  
No.2. Jalan Raja Abdullah,  
50300 Kuala Lumpur, Malaysia  
EMAIL: [sheila@wildasia.org](mailto:sheila@wildasia.org)  
FAX: +603 62012150

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,

.....  
Aryo Gustomo  
for Managing Director  
BSi Group Singapore Pte Ltd

